# SOALAN LAZIM BAGI PERKHIDMATAN PENGEPOSAN MOTOSIKAL DI PUSAT POS LAJU (PPL) SEMENANJUNG MALAYSIA

**S1** **Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan pengeposan motosikal oleh Pos Laju?**

**J1** Maksud pengeposan motosikal adalah perkhidmatan penghantaran motosikal Pelanggan yang ditawarkan oleh Pos Laju di dalam Semenanjung Malaysia sahaja. Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan ini untuk menghantar motosikal dari Pusat Pos Laju (PPL) terdekat ke tempat tuju Pusat Pos Laju (PPL) yang bersesuaian dengan kehendak Pelanggan. Perkhidmatan ini di tawarkan dari PPL ke PPL sahaja, tiada penghantaran ke rumah/premis.

**S2** **Apakah pakej yang ditawarkan oleh Pos Laju kepada Pelanggan untuk penghantaran motosikal di dalam Semenanjung Malaysia?**

**J2** Terdapat 3 pakej yang ditawarkan oleh Pos Laju kepada Pelanggan untuk pengeposan motosikal di dalam Semenanjung Malaysia seperti di bawah:-

1) Pengeposan Normal (biasa); ditawarkan kepada semua Pelanggan Pos Laju.
2) Pengeposan Pelajar (harga pelajar); ditawarkan kepada pelajar IPTA / IPTS/ Kolej / Matrikulasi / Institut Perguruan yang mempunyai kad pelajar yang sah.
3) Pengeposan Dua Hala; ditawarkan kepada semua Pelanggan Pos Laju.

**S3** **Berapakah harga untuk pengeposan biasa bagi motosikal di dalam Semenanjung Malaysia?**

**J3** Harga pengeposan biasa bagi motosikal di dalam Semenanjung Malaysia adalah mengikut cc seperti di bawah:-

| Bil. | CC Motor | Harga | Harga Selepas 6% GST |
|---|---|---|---|
| 1 | 1-135cc | RM169.00 | RM179.14 |
| 2 | 136 - 150cc | RM188.00 | RM199.28 |
| 3 | 151 - 350cc | RM313.00 | RM331.78 |
| 4 | 351 - 500cc | RM438.00 | RM464.28 |

**Surcaj tambahan RM35.00 (150cc ke bawah) dan RM55.00 (151cc ke atas) untuk penghantaran ke Pulau Langkawi.*

**S4** **Berapakah harga untuk pengeposan motosikal yang ditawarkan kepada pelajar IPT yang mempunyai Kad Pelajar yang sah di dalam Semenanjung Malaysia?**

**J4** Harga pengeposan motosikal yang ditawarkan kepada pelajar IPT di dalam Semenanjung Malaysia adalah mengikut cc seperti di bawah:-

| Bil. | CC Motor | Harga | Harga Selepas 6% GST |
|---|---|---|---|
| 1 | 1-135cc | RM152.00 | RM161.12 |
| 2 | 136 - 150cc | RM169.00 | RM179.14 |
| 3 | 151 - 350cc | RM282.00 | RM298.92 |
| 4 | 351 - 500cc | RM394.00 | RM417.64 |

**Surcaj tambahan RM35.00 (150cc ke bawah) dan RM55.00 (151cc ke atas) untuk penghantaran ke Pulau Langkawi.*

| | |
|---|---|
| **S5** | **Berapakah harga untuk pengeposan motosikal dua hala di dalam Semenanjung Malaysia?** |
| J5 | Harga pengeposan motosikal dua hala di dalam Semenanjung Malaysia adalah mengikut cc seperti di bawah:- |

| Bil. | CC Motor | Harga | Harga Selepas 6% GST |
|---|---|---|---|
| 1 | 1-135cc | RM287.00 | RM304.22 |
| 2 | 136 - 150cc | RM319.00 | RM338.14 |
| 3 | 151 - 350cc | RM532.00 | RM563.92 |
| 4 | 351 - 500cc | RM744.00 | RM788.64 |

** Surcaj tambahan RM35.00 (150cc ke bawah) dan RM55.00 (151cc ke atas) untuk penghantaran ke Pulau Langkawi.*

| | |
|---|---|
| **S6** | **Berapakah harga untuk pengeposan motosikal 500cc ke atas di dalam Semenanjung Malaysia?** |
| J6 | Pelanggan perlu menghubungi Ibu Pejabat Pos Laju untuk harga pengeposan dan persediaan bagi motosikal 500cc ke atas sebelum membuat pengeposan di dalam Semenanjung Malaysia. |
| **S7** | **Bolehkah Pelanggan menghantar motosikal roda tiga (di dalam Semenanjung Malaysia?** |
| J7 | Boleh. Harga pengeposan bagi motosikal roda tiga di dalam Semenanjung Malaysia adalah dua kali ganda dari harga berdasarkan kategori cc motosikal tersebut. |
| **S8** | **Bolehkah membuat pengeposan motosikal di Pejabat Pos atau Ejen Pos Laju?** |
| J8 | Tidak boleh. Kaunter Pejabat Pos dan ejen Pos Laju tidak menyediakan perkhidmatan ini. |
| **S9** | **Di manakah Pelanggan boleh berurusan untuk membuat pengeposan motosikal?** |
| J9 | Untuk pengeposan motosikal, Pelanggan perlu ke kaunter Pusat Pos Laju (PPL) Semenanjung Malaysia) yang berdekatan. |
| **S10** | **Adakah Pelanggan boleh membuat panggilan pungutan *(pick-up)* untuk tujuan pengeposan motosikal?** |
| J10 | Tidak. Perkhidmatan pungutan *(pick-up)* dan penghantaran ke rumah tidak disediakan untuk perkhidmatan pengeposan motosikal. Pelanggan perlu menghantar motosikal ke Pusat Pos Laju yang terdekat untuk membuat pengeposan dan semasa proses pengambilan motosikal Pelanggan juga perlu mengambil di Pusat Pos Laju. |
| **S11** | **Bagaimanakah cara untuk menggunakan pengeposan dua hala?** |
| J11 | Pelanggan perlu menyimpan resit pembayaran sebagai bukti pembelian pakej dua hala dan mengemukakan kepada petugas kaunter di PPL yang terpilih. Proses penerimaan di kaunter adalah seperti amalan biasa kecuali tanpa pembayaran. |
| **S12** | **Apakah kelebihan pakej pengeposan motosikal dua hala yang ditawarkan oleh Pos Laju?** |
| J12 | Kelebihan menggunakan pakej pengeposan motosikal dua hala kepada Pelanggan ialah harga pengeposan yang ditawarkan lebih murah berbanding harga pengeposan biasa. |

| | |
|---|---|
| **S13** | **Bagaimanakah untuk menikmati pakej dua hala untuk pengeposan motosikal?** |
| J13 | Pelanggan boleh memilih pakej dua hala semasa membuat urusan pengeposan motosikal di kaunter PPL dengan memaklumkan kepada petugas kaunter. |
| **S14** | **Adakah pakej pengeposan motosikal dua-hala mempunyai tempoh sah laku?** |
| J14 | Ya. Pakej pengeposan dua-hala mempunyai tempoh sah laku iaitu selama enam bulan dari tarikh pembelian/pembayaran untuk Pelanggan menggunakan penghantaran kali ke-2. |
| **S15** | **Adakah pelanggan dibenarkan menghantar motosikal yang berbeza untuk penghantaran kali kedua bagi pakej dua hala?** |
| J15 | Pelanggan tidak dibenarkan membuat penghantaran motosikal berbeza dan ke destinasi PPL yang berbeza. Contoh yang dibenarkan adalah seperti di bawah:-<br><br>**<u>Penghantaran kali pertama</u>**<br>Jenis Motosikal : **Yamaha Ego LC 125 (WWG 9872)**<br>PPL asal : Kuala Lumpur<br>PPL tuju : Johor Bharu<br><br>**<u>Penghantaran kali kedua</u>**<br>Jenis Motosikal : **Yamaha Ego LC 125 (WWG 9872)**<br>PPL asal : Johor Bharu<br>PPL tuju : Kuala Lumpur |
| **S16** | **Sekiranya Pelanggan telah membuat bayaran untuk pakej penghantaran dua-hala bagi pengeposan motosikal, adakah Pelanggan mendapat pulangan wang tunai sekiranya Pelanggan membatalkan hasrat untuk menghantar semula motosikal melalui pakej dua-hala tersebut?** |
| J16 | Tidak. Pelanggan tidak akan mendapat pulangan wang tunai sekiranya Pelanggan ingin membatalkan pakej pengeposan motosikal dua-hala. |
| **S17** | **Apakah dokumen yang perlu Pelanggan sertakan untuk pengeposan motosikal?** |
| J17 | Dokumen yang diperlukan semasa pengeposan motosikal adalah seperti berikut:-<br><u>Pakej Biasa & 2-hala:-</u><br>i. Salinan *roadtax* motosikal<br>ii. Salinan IC pengirim<br>iii. Tax invoice asal, salinan PL1A dan Salinan PL66 kiriman kali pertama (untuk 2-hala semasa pengeposan kali kedua)<br><u>Pakej Pelajar:-</u><br>i. Salinan *roadtax* motosikal<br>ii. Salinan IC pengirim<br>iii. Salinan kad pelajar yang masih sahlaku<br>iv.<br>**Pelanggan perlu membawa semua dokumen yang tertera di atas untuk tujuan pengesahan di kaunter Pos Laju semasa membuat pengeposan motosikal |

| | |
|---|---|
| **S18** | **Adakah Pelanggan boleh menuntut gantirugi/pampasan sekiranya motosikal yang dibuat pengeposan didapati rosak atau hilang?** |
| J18 | Pos Laju bersedia membayar gantirugi/pampasan ke atas sebarang kerosakan atau kehilangan pada pengeposan motosikal sekiranya disahkan berlaku akibat kecuaian Pos Laju.<br>Mengikut Terma & Syarat Perkhidmatan, jumlah gantirugi/pampasan yang ditanggung oleh Pos Laju adalah mengikut nilai kerosakan/kehilangan sebenar atau tidak melebihi dari caj pengeposan yang dibayar semasa pengeposan motosikal (yang mana lebih rendah). |
| **S19** | **Adakah Pos Laju menyediakan perlindungan insurans untuk pengeposan motosikal?** |
| J19 | Ya, perlindungan insurans bagi melindungi motosikal Pelanggan adalah termasuk di dalam harga pengeposan motosikal yang ditawarkan oleh Pos Laju dengan kadar perlindungan sehingga RM1,000. Sekiranya Pelanggan ini menambahkan jumlah *sum insured*, Pelanggan boleh mengambil insurans tambahan semasa membuat pengeposan motosikal. |
| **S20** | **Berapakah caj premium tambahan yang dikenakan untuk Pelanggan mengambil perlindungan insurans semasa membuat pengeposan motosikal dengan Pos Laju?** |
| J20 | Kadar bayaran adalah sebanyak 0.15% daripada jumlah diinsuranskan (sum insured) atau minimum RM1.50 (yang mana lebih tinggi). |
| **S21** | **Sekiranya Pelanggan ingin membuat penghantaran aksesori motor (cermin sisi, dll) dan topi keledar, bolehkah Pelanggan sertakan bersama semasa pengeposan motosikal?** |
| J21 | Tidak boleh. Pelanggan mestilah membuat pengeposan secara berasingan dan mengikut amalan biasa pengeposan. |
| **S22** | **Berapa lamakah tempoh penghantaran (ETD) motosikal?** |
| J22 | Tempoh penghantaran ke PPL tuju adalah minimum 7 hari bekerja dari tarikh pengeposan. |
| **S23** | **Sekiranya motosikal telah sampai ke Pusat Pos Laju destinasi, adakah pihak Pos Laju akan memaklumkan/menghubungi pelanggan?** |
| J23 | Ya. Pihak Pos Laju akan menghubungi Pelanggan untuk memaklumkan kepada Pelanggan untuk mengambil motosikal di Pusat Pos Laju destinasi.<br>Pelanggan juga boleh membuat semakan status di laman sesawang Pos Laju (http://www.poslaju.com.my/track.aspx) seperti amalan biasa. |
| **S24** | **Sekiranya Pelanggan mengambil motosikal lewat dari tarikh ETA iaitu selepas pihak Pos Laju menghubungi Pelanggan, adakah caj tambahan akan dikenakan kepada Pelanggan?** |
| J24 | Sekiranya Pelanggan lewat mengambil motosikal dalam tempoh 7 hari selepas dihubungi pihak Pos Laju, caj tambahan (storage charges) akan dikenakan sebanyak RM5.00 (tidak termasuk 6% GST) sehari bermula pada hari ke-8.<br>Caj tambahan ini dikira termasuk hari bekerja, tidak bekerja dan cuti umum dan selama mana motosikal berkenaan disimpan di Pusat Pos Laju. |

| | |
|---|---|
| S25 | **Adakah perkhidmatan pengeposan motosikal ini termasuk penghantaran ke Sabah & Sarawak?** |
| J25 | Tidak. Perkhidmatan pengeposan motosikal ini hanya sahlaku untuk penghantaran di dalam Semenanjung Malaysia sahaja.<br>Walau bagaimanapun, pihak Pos Laju akan mengumumkan kepada Pelanggan sekiranya terdapat penghantaran ke Sabah & Sarawak (vice versa) kelak. |
| S26 | **Adakah Pos Laju meletakkan had untuk pengeposan motosikal oleh Pelajar yang mempunyai Kad Pelajar yang sah?** |
| J26 | Ya. Pelajar hanya di benarkan untuk membuat satu pengeposan saja untuk setiap transaksi menggunakan kad pelajar pada satu masa.<br>Harga pelajar adalah tertakluk kepada pengeposan motosikal sahaja, manakala harga pengeposan bagi aksesori contohnya topi keledar dan cermin sisi adalah mengikut harga yang telah ditetapkan. |
| S27 | **Apakah tanggungjawab Pelanggan semasa proses pengeposan motosikal di kaunter Pos Laju?** |
| J27 | Pelanggan perlu mengisi borang pengeposan dengan lengkap beserta nombor telefon dan menyediakan semua dokumen yang diperlukan. Pelanggan juga perlu melakukan semakan berpandukan borang Pos Laju PL66.<br>Selain itu, pelanggan juga bertanggungjawab untuk memastikan motosikal telah dibalut sempurna terutama pada bahagian-bahagian yang berisiko untuk calar, kemek atau patah. |
| S28 | **Apakah langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Pos Laju semasa menerima motosikal yang diposkan?** |
| J28 | Pihak Pos Laju akan menggunakan *sling wrap* untuk membalut dan melindungi motosikal yang diterima. Pos Laju juga menjual material pembungkusan iaitu *bubble wrap* kepada Pelanggan sebagai perlindungan tambahan kepada motosikal yang diposkan. |
| S29 | **Berapakah harga *bubble wrap* yang disediakan oleh Pos Laju untuk membalut motosikal sebelum diposkan?** |
| J29 | Pihak Pos Laju menyediakan *bubble wrap* yang akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak RM20.00 segulung (harga tidak termasuk 6% GST).<br>Pelanggan amat digalakkan untuk menggunakan sebarang pelindung tambahan untuk melindungi motosikal dari sebarang risiko kerosakan kerana ianya merupakan tanggungjawab pengirim. |